

# **SEJARAH KEPIMPINAN POLITIK NAJIB RAZAK (1976-2018)**

**STEFENNLEY TABED**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

# **SEJARAH KEPIMPINAN POLITIK NAJIB RAZAK (1976-2018)**

**STEFENNLEY TABED**

**LATIHAN ILMIAHINI DISERAHKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL  
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH**

JUDUL : **SEJARAH KEPIMPINAN POLITIK NAJIB RAZAK  
(1976-2018)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SAINS SOSIAL (SEJARAH)**

Saya **STEFENNLEY TABED** sesi **2019-2022** mengaku bahawa untuk membenarkan Latihan Ilmiah Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan sepertiberikut :-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

**SALIN**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

  
**/**

**TIDAK TERHAD**

Disahkan Oleh,

  
**ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

---

**STEFENNLEY TABED**  
**BA19110441**

**(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)**

Tarikh : (Diserahkan kepada PPPS)

  
( **Dr. Mosli Tarsat** )

**Penyelia**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang Penglibatan Najib Razak Dalam Arus Politik Malaysia (1976-2018) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



**12 OGOS 2022**

---

STEFENNLEY TABED  
BA19110441



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **STEFENNLEY TABED**  
NO MATRIK : **BA19110441**  
TAJUK : **SEJARAH KEPIMPINAN POLITIK NAJIB RAZAK (1976-2018)**  
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

### DISAHKAN OLEH:



#### 1. PENYELIA UTAMA

Dr. Mosli Tarsat



## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana atas izin-Nya saya telah berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah ini walaupun berhadapan dengan pelbagai dugaan dan cabaran khususnya disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia. Dengan kesempatan ini juga, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Mosli Tarsat atas kesabaran, bimbingan dan nasihat yang diberikan. Segala nasihat yang diberikan sangat membantu saya dalam proses menghasilkan Latihan Ilmiah ini.

Diucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua insan yang saya hormati dan sayangi iaitu Tabed (Bapa) dan Sumah (Ibu) kerana sentiasa memberi sokongan, dorongan juga doa sepanjang saya menyiapkan Latihan Ilmiah dan sentiasa memberikan semangat kepada saya dalam berhadapan dengan suasana pengajian yang banyak mematangkan dan memberi pengajaran sepanjang bergelar mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah yang tercinta sehingga pengajian saya dapat disempurnakan dengan jayanya. Dengan rasa rendah diri saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah khasnya dari program Sejarah diatas pengorbanan dan didikan yang telah dilakukan sepanjang saya berada di Universiti Malaysia Sabah.

Ucapan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Samrie, Amir, Haikal, Syamil, Cristy, dan lain-lain lagi yang banyak membantu dalam memberi peringatan serta dorongan kepada saya untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini. Diucapkan juga terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak khususnya dari segi pengangkutan ke lokasi kajian juga menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka. Dengan itu, besarlah harapan saya agar latihan ilmiah yang berjaya dihasilkan ini dapat dijadikan sebagai salah satu rujukan dan panduan penulisan untuk generasi akan datang.

**STEFENNLEY TABED**  
**12 OGOS 2022**

## **ABSTRAK**

Makalah ini merupakan satu bentuk usaha dalam menganalisis sumbangan Najib Razak dalam perkembangan negara Malaysia. Oleh itu, usaha untuk menghasilkan penulisan yang berbentuk biografi yang berkaitan dengan mantan Perdana Menteri Malaysia yang keenam iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah dilakukan. Pengalaman Najib dalam membangunkan negara menerusi pelbagai portfolio dari tahun 1976 sehingga tahun 2018 merupakan pengalaman nostalgia serta akan menjadi sorotan sepanjang zaman di Malaysia. Keperibadian serta ideologi dan pemikiran beliau telah menjadi asas dalam kejayaan beliau memimpin beberapa institusi, organisasi dan juga negara Malaysia dalam mencapai kemajuan dalam aspek politik, ekonomi dan juga sosial sehinggakan beliau mendapat gelaran sebagai bapa transformasi. Setelah bertungkus-lumus daripada tahun 1976 selepas kematian bapanya iaitu Tun Razak, Najib Razak telah diangkat dan diberikan mandat selaku Perdana Menteri Malaysia yang Keenam dan menerusi jawatannya sebagai Perdana Menteri Malaysia yang bermula pada tahun 2009 ini telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai terhadap pembangunan negara. Dalam penelitian latihan ilmiah ini, kaedah utama yang digunakan adalah dengan menganalisis sumber primer dan juga sekunder. Tuntasnya, latihan ilmiah ini akan mengimbau Sejarah Latarbelakang Najib Razak dan Keluarganya serta menjelaskan ideologi dan pemikiran dan juga sedikit sebanyak sumbangan beliau dalam pembangunan Negara Malaysia.

**Kata Kunci :** Sumbangan, Najib Razak, Bapa Transformasi, Perdana Menteri Malaysia.



UNIVERSITI  
UMS  
MALAYSIA SABAH

## ABSTRACT

This paper is a form of effort in analyzing the contribution of Najib Razak in the development of Malaysia. Therefore, an effort to produce writing in the form of a biography related to the sixth former Prime Minister of Malaysia, the Most Honorable Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, has been done. Najib's experience in developing the country through various portfolios from 1976 until 2018 is a nostalgic experience and will be a highlight throughout the ages in Malaysia. His personality as well as his ideology and thinking have become the basis of his success in leading several institutions, organizations and even the country of Malaysia in achieving progress in the political, economic and social aspects to the extent that he earned the title of the "father of transformation". After working hard since 1976 after the death of his father, Tun Razak, Najib Razak was appointed and given the mandate as the Sixth Prime Minister of Malaysia and through his position as Prime Minister of Malaysia which started in 2009, he has made invaluable contributions to the development of the country. In this scientific training research, the main method used is to analyze primary and secondary sources. In conclusion, this scientific exercise will recall the Background History of Najib Razak and his Family and explain his ideology and thoughts and also to some extent his contribution in the development of Malaysia.

**Keywords:** Contribution, Najib Razak, Father of Transformation, Prime Minister of Malaysia.



## SENARAI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>Halaman</b>
<b>BORANG PENGESAHAN STATUS LATIHAN ILMIAH</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>ABSTRACT</b>	vii
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xii
<b>SENARAI PETA</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>SENARAI GLOSARI</b>	xvi
 <b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Metadologi Kajian	4
1.6 Sorotan Kajian	6
1.7 Skop Kajian	13
1.8 Pembahagian Bab	13
1.9 Kesimpulan	15
 <b>BAB 2 : SEJARAH LATARBELAKANG NAJIB RAZAK</b>	
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Latarbelakang Najib Razak	17
2.3 Sejarah Latarbelakang Pendidikan Najib Razak	21
2.4 Hobi	23

2.5 Sejarah Latarbelakang Keluarga	25
2.6 Sejarah Latarbelakang Politik Najib Razak (1976-2018)	30
2.7 Perkahwinan	33
2.8 Kesimpulan	37

### **BAB 3 : IDEOLOGI DAN PEMIKIRAN NAJIB RAZAK**

3.1 Pendahuluan	38
3.2 Keperibadian	38
3.2.1 Berkepimpinan	39
3.2.2 Berkarisma	40
3.2.3 Transformasi	43
3.2.4 Lassez-Faire	45
3.2.5 Berintergriti	47
3.2.6 Berinovasi	49
3.2.7 Versatil	50
3.3 Ideologi dan Pemikiran Najib Razak selaku Perdana Menteri Malaysia	52
3.3.1 Nasionalisme Melayu	53
3.3.2 Perpaduan	54
3.3.3 Kemajuan Sains dan Teknologi	55
3.3.4 Peranan Media Dalam Melahirkan Sebuah Negara	58
3.4 Kesimpulan	59

### **BAB 4 : SUMBANGAN NAJIB RAZAK TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA**

4.1 Pendahuluan	60
4.2 Sumbangan Najib Razak (Fasa Pertama)	61
4.2.1 Ketua Pemua UMNO (1987-1993)	61
4.2.2 Menteri Besar Pahang (1982-1986)	63
4.2.3 Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan (1986-1987)	65
4.2.4 Menteri Pertahanan (1990-1995) – (1999-2008)	67
4.2.4 (a) Penggal Pertama (1990-1995)	68
4.2.4 (b) Penggal Kedua (1999-2008)	69

4.2.5 Menteri Pendidikan (1955-2000)	71
4.3 Sumbangan Najib Razak kepada Pembangunan Negara Fasa Kedua	74
4.3.1 Politik	74
4.3.1. (a) Program Transformasi Politik (PTP)	75
4.3.1. (b) Program Transformasi Kerajaan (GTP)	77
4.3.2 EKONOMI	78
4.3.2. (a) Program Transformasi Ekonomi (ETP)	78
4.3.2. (b) Model Ekonomi Baru	79
4.3.2. (c) Liberalisasi Ekonomi	80
4.3.2. (d) BAITULMAL	82
4.3.2. (e) EKUINAS	82
4.3.3 SOSIAL	83
4.3.3. (a) Gagasan 1 Malaysia	83
4.4 Kesimpulan	85
<b>BAB 5 : KESIMPULAN</b>	
5.1 Kesimpulan	86
<b>BIBLIOGRAFI</b>	90
<b>LAMPIRAN</b>	98



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI GAMBAR**

		Halaman
Gambar 2.2 :	Gambar Pertemuan Najib Razak (kiri) dan Susilo Bambang Yudhoyono (kanan) Semasa Program aPEC	20
Gambar 2.3 :	Gambar Kenangan Najib bertugas bersama PETRONAS	21
Gambar 2.4 :	Gambar Najib Razak bersama Ahmad Johari ketika menuntut di London	23
Gambar 2.5 :	Gambar Najib Razak Sedang Bermain Golf	25
Gambar 2.6 :	Tun Razak Meluangkan Masa untuk bercuti bersama Tun Rahah dan Keluarga	27
Gambar 2.7 :	Najib Razak bersama Rosmah Mansor serta anak-anak	36
Gambar 3.1 :	Kediaman Najib Razak di kawasan Pramu Jaya	42
Gambar 3.2 :	Najib Razak membentangkan laporan GTP dan ETP 2014 di Kuala Lumpur	45
Gambar 3.3 :	Najib Razak dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO pada tahun 2004	48
Gambar 3.4 :	Najib Razak berucap di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-59 yang bertempat di Auditorium Cempaka Sari, Putrajaya	57
Gambar 4.1 :	Najib Razak selaku Ketua Pemuda UMNO	63
Gambar 4.2 :	Najib selaku Menteri Besar Pahang	65
Gambar 4.3 :	Najib Razak bersama Kontinjen Malaysia	67
Gambar 4.4 :	Najib selaku Menteri Pertahanan	71
Gambar 4.5 :	Najib bersama pelajar sekolah rendah dan rakan kabinet pada majlis pembangunan pendidikan Negara	74

## **SENARAI PETA**

		Halaman
Peta 1.1 :	Kawasan Kajian iaitu negara Malaysia	13
Peta 2.1 :	Peta Kawasan Kepulauan Sulawesi, Indonesia	19



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

<b>TTP</b>	- Tenaga, Telekomunikasi dan Pos
<b>MB</b>	- Menteri Besar
<b>PM</b>	- Perdana Menteri
<b>KBS</b>	- Kebudayaan, Belia dan Sukan
<b>YDPR</b>	- Yang di-Pertua Dewan Rakyat
<b>YRMA</b>	- Yorke, Rosenberg dan Mardell Architects
<b>GRA</b>	- Geogrefy Reid Associates
<b>CIMB</b>	- Commerce International Merchants Bankers Berhad
<b>TMP</b>	- Timbalan Menteri Pendidikan
<b>TMK</b>	- Timbalan Menteri Kewangan
<b>ATM</b>	- Angkatan Tentera Malaysia
<b>TPM</b>	- Timbalan Perdana Menteri
<b>GTP</b>	- Government Transformation Programme
<b>PTP</b>	- Political Transformation Programme
<b>ETP</b>	- Economics Transformation Programme
<b>MPI</b>	- Malaysian Press Institute
<b>PETRONAS</b>	- Petroliam Nasional Berhad
<b>DEB</b>	- Dasar Ekonomi Baru
<b>BN</b>	- Barisan Nasional
<b>UMNO</b>	- United Malaysian National Organisation
<b>MCA</b>	- Malaysian Chinese Association
<b>FPDA</b>	- Five Power Defence Agreement
<b>Slocs</b>	- Sealine of communication
<b>TLDL</b>	- Tentera Laut diraja Malaysia
<b>PUTD</b>	- Pasukan Udara Tentera Darat Malaysia
<b>TUDM</b>	- Tentera Udara Diraja Malaysia
<b>ISA</b>	- Internal Security Act 1960
<b>PEMANDU</b>	- Unit Pengurusan Prestasi
<b>Slocs</b>	- Sealine of communication
<b>NKRA</b>	- National Key Result Area

<b>MKRA</b>	- Ministerial Key Result Area
<b>MEB</b>	- Model Ekonomi Baru
<b>NKEA</b>	- National Key Economic Area
<b>MIHAS</b>	- Sealine of communication
<b>MATRADE</b>	- National Key Result Area
<b>OIC</b>	- Corporation Organisation of Islamic Cooperation
<b>FIC</b>	- Foreign Invesment Committee
<b>ICT</b>	- Information and Communications Technology
<b>PNB</b>	- Permodalan Nasional Berhad
<b>DBP</b>	- Dewan Bahasa dan Pustaka
<b>UM</b>	- Universiti Malaya



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Gambar Keluarga Najib Razak	98
Lampiran B : Najib Mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri di hadapan Raja di Istana Negara pada tanggal 3 April 2009	99
Lampiran C : Hari Pertama di Pejabat Perdana Menteri	100



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI GLOSARI**

"Ular menyusur akar tidak akan : Tidak akan rugi apa-apa jika merendah diri hilang bisanya"

"Bapa Borek, Anak Rintik : Sifat ataupun prilaku yang sama daripada bapa



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Najib Razak ataupun lebih dikenali umum sebagai Najib Razak merupakan seorang PM Malaysia Ke-6 dan juga merupakan bekas Presiden UMNO serta bekas pengurus BN yang bermula pada tahun 2009 hingga tahun 2018. Najib mengundurkan diri selaku Presiden UMNO yang juga merangkap sebagai Pengerusi BN setelah mengalami kekalahan yang luar biasa terhadap parti pembangkang iaitu PH yang diketuai oleh Mahathir pada Pru-14 pada tahun 2018.

Penglibatan Najib di dalam kancah politik Malaysia bermula sejurus kepergian ayahnya iaitu Abdul Razak pada tahun 1976 yang menyebabkan Najib Razak telah menang secara mutlak di kawasan Pekan yang ditinggalkan selepas kemangkatan ayahnya. Ketika beliau masih berumur 20-an dan sekaligus menjadikan beliau sebagai ahli termuda yang berkecimpung dalam parlimen pada tahun 1976. Walaupun berada di lingkungan usia yang muda, beliau diberikan kepercayaan yang tinggi untuk memegang jawatan penting seperti menjadi Timbalan Menteri TTP pada 1978. Kemudiannya turut dilantik menjadi MB paling muda dalam sejarah Malaysia apabila beliau telah diberi tanggunjawab yang besar dan dilantik menjadi MB Pahang pada tahun 1982 dan pelbagai lagi portfolio-portofolio penting dalam kerajaan. Najib Razak merupakan seorang yang bijaksana serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi yang telah diwarisi daripada bapanya iaitu Abdul Razak yang merupakan bekas PM Malaysia yang ke-2 dari tahun 1970 sehingga tahun 1976 sehingga beliau diberikan mandat untuk dilantik sebagai PM Malaysia ke-6.<sup>1</sup> Semasa tempoh pemerintahan beliau menjadi PM Malaysia, beliau telah banyak berjasa terhadap penambahbaikan serta pembangunan Malaysia dari segi pendidikan, pertahanan negara, pembangunan modal insan, dan juga telah banyak memperkenalkan projek dalam membantu rakyat miskin di Malaysia. Oleh itu, Kajian


---

<sup>1</sup> UMNO Online, *Dato' Sri Najib Tun Razak*, (2009). Dipetik dari <https://umno-online.my/presiden/najib/> pada 5 JUN 2021.

yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk mengkaji mengenai penglibatan Najib Razak dalam arus politik Malaysia daripada tahun 1976 sehingga tahun 2018.

## **1.2 ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN**

Tema ataupun topik mengenai kepimpinan ini seringkali dikaji oleh ramai para sarjana di dalam negara mahupun di luar negara akan tetapi terdapat justifikasi yang kurang tepat diberikan kepada mereka melalui hasil karya ataupun penulisan para sarjana. Kebanyakan penulisan yang dihasilkan hanyalah bersifat umum, di mana penulisan tersebut hanyalah perbahasan yang lebih menjurus kepada andaian ataupun justifikasi peribadi semata-mata. Hal seperti ini mampu untuk membawa kepada tanggapan ataupun akan membawa kepada penilaian yang salah kepada para pembaca mengenai seseorang tokoh tersebut terutamanya kepada pemimpin-pemimpin yang ternama dan terkenal seperti Najib Razak. Oleh itu, timbulnya impian serta hasrat pengkaji untuk membuat sebuah kajian mengenai Najib Razak berdasarkan sumber-sumber yang sahih serta benar agar dapat merubah persepsi para pembaca mengenai Najib Razak.



Tidak dapat disangkal lagi bahawa Najib Razak mempunyai jasa serta sumbangan yang teramat besar kepada pembangunan modal insan serta pembangunan negara sewaktu beliau menjawat jawatan PM Malaysia ke-6 baik dari aspek politik, ekonomi dan juga aspek sosial.


Melalui pernyataan diatas, terdapat 3 persoalan yang telah dibentuk oleh pengkaji iaitu yang pertama adalah bagaimakah latarbelakang Najib Razak. Hal ini demikian bagi mengkaji secara telus dan teliti mengenai Sejarah latarbelakang beliau dari awal penglibatan beliau dalam arena politik sehingga beliau dapat diangkat sebagai PM Malaysia ke-6. Yang kedua adalah apakah ideologi dan pemikiran Najib Razak. Hal ini kerana pengkaji ingin mengetahui sedikit sebanyak mengenai prinsip asas Najib serta pegangan beliau selaku PM Malaysia yang ke-6. Yang ketiga pula adalah apakah sumbangan Najib Razak di Malaysia. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengetahui

sedikit sebanyak sumbangan beliau terhadap pembangunan serta transformasi-transformasi beliau di Malaysia baik dari perspektif politik, ekonomi dan juga sosial.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam melaksanakan kajian tersebut, pengkaji akan memberikan perhatian secara mendalam kerana ianya sangat penting dan berfungsi sebagai rujukan agar dapat menghasilkan kajian ini dengan lebih sistematik. Objektif kajian pengkaji yang pertama adalah untuk mengkaji latarbelakang Najib Razak daripada tahun 1976 sehingga tahun 2018 yang merangkumi latarbelakang pendidikan, latarbelakang keluarga dan juga latarbelakang politik Najib Razak.

Objektif yang kedua pula adalah untuk mengenalpasti pemikiran dan ideologi Najib Razak. Obektif ini dibina bertujuan untuk mengetahui teras ideologi terhadap kepimpinan beliau selaku PM Malaysia.



Objektif yang ketiga pula pula adalah untuk meneliti sumbangan Najib Razak sebelum dan selepas beliau diangkat menjadi PM Malaysia. Objektif ini dibina bertujuan untuk mendedahkan sumbangan-sumbangan beliau selaku menerusi portfolio yang dipegang oleh beliau sebelum bergelar PM dan juga selepas beliau telah diangkat menjadi PM Malaysia ke-6 terhadap pembangunan serta kemajuan negara Malaysia yang menyentuh aspek politik, ekonomi dan sosial daripada tahun 1976 sehingga tahun 2018.

### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk mengetahui sejarah kepimpinan politik Najib Razak terhadap pembangunan negara Malaysia sehingga beliau digelar sebagai "Bapa Transformasi". Oleh itu, lahirlah kesedaran kepada pengkaji untuk membuat kajian ini yang bertujuan untuk mengetahui secara terperinci mengenai sumbangan

beliau sebagai PM Malaysia ke-6 terhadap transformasi negara daripada tahun 1976 sehingga tahun 2018.

Walaupun beliau telah banyak menabur bakti serta menyumbang dari segi kemakmuran negara, beliau masih mendapat tentangan yang hebat daripada masyarakat dan parti pembangkang sehingga parti BN yang dipimpin oleh Najib ini mengalami kekalahan pada musim Pru-14 pada tahun 2018 kepada parti pembangkang. perkara inilah yang menjadi batu loncatan kepada pengkaji untuk membuat kajian ini.

Kepentingan menghasilkan kajian ini juga adalah bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan yang baharu kepada pengkaji dan juga para pembaca yang berkaitan dengan perjalanan politik Najib Razak daripada tahun 1976 sehingga tahun 2018. Kajian ini juga sangat penting agar membolehkan pengkaji-pengkaji yang lain menggunakan sebagai rujukan serta sumber utama dalam membahas dengan lebih lanjut mengenai tokoh Najib Razak.

## **1.5 METODOLOGI KAJIAN** UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Metadologi kajian merupakan sebuah proses mengumpulkan data serta meneliti data. Kebiasaannya, Metadologi kajian ini terdiri daripada kajian kepustakaan serta kajian lapangan. Sesuatu penyelidikan yang dilakukan itu tidak memerlukan kesemua jenis metadologi yang sedia ada, bahkan hanya cukup dengan beberapa metadologi yang sesuai agar dapat menghasilkan sebuah penyelidikan yang bagus dan sempurna. Antara metadologi kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk melakukan kajian ini adalah dengan melakukan pendekatan kualitatif.

Menurut Patrik Aspers dan Ugo Corte (2019), pendekatan kualitatif ini boleh disimpulkan sebagai sebuah bentuk usaha untuk mencari serta memberikan penerangan serta melakukan *observation* yang bukan berbentuk numerikal walaupun terdapat laporan yang mewakili statistik dan juga kira-kira. Kajian yang dilakukan dengan

mengetengahkan pendekatan kualitatif dengan memberikan keterangan, atau makna mengenai sesuatu proses komunikasi. Disamping itu, kajian secara kualitatif ini juga tidak hanya memfokuskan terhadap kutipan data yang banyak. Malah, langkah tersebut hanya bertujuan untuk mengumpulkan informasi-informasi sahih serta berkualiti dengan memfokuskan terhadap sampel yang kecil.<sup>2</sup>

Misalnya pengkaji akan melakukan kaedah menganalisis sumber primer. Menurut Yusof Ibrahim (1997), sumber primer merujuk kepada sebuah kumpulan sumber yang berada dalam keadaan yang asli dan belum ditaraf contohnya seperti dokumen, surat, catatan, laporan buku harian, keratan akhbar, majalah dan juga titah perintah yang berada di institusi-institusi tertentu.<sup>3</sup> Oleh itu, pendekatan sumber primer yang akan digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah pengkaji akan menganalisis surat-surat rasmi dan juga dokumen-dokumen penting yang berkaitan dengan latarbelakang Najib Razak, sejarah politik Najib Razak dan juga sumbangan-sumbangan beliau terhadap pembangunan Malaysia. Pengkaji akan mencari dan menggunakan sumber primer daripada Arkib negara Malaysia bahagian Kuala Lumpur dan juga Arkib Negara Malaysia bahagian negeri Sabah bagi menyelesaikan Kajian ini.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Seterusnya, Pengkaji juga turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan yang dilaksanakan di perpustakaan Temerloh, perpustakaan Kuala Lumpur, perpustakaan DBP, perpustakaan Tun Fuad Stephens, perpustakaan Kota Kinabalu, perpustakaan Penampang dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah untuk memperolehi sumber primer dan sekunder agar dapat menjayakan kajian ini terhasil.

Selanjutnya, pengkaji akan menggunakan kaedah mencari maklumat di atas talian, yang mana pengkaji akan menggunakan bahan-bahan berilmiah seperti artikel

---

<sup>2</sup> Patrik Aspers dan Ugo Corte, What is Qualitative in Qualitative Research, *Qualitative Sociology*, Vol 42, No 2, Pp 139 – 160, 2019, Hlm 141.

<sup>3</sup> Mohd Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah : Falsafah dan kaedah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997, Hlm 154.

jurnal, tesis, dokumen-dokumen serta buku atas talian agar dapat menyempurnakan kajian pengkaji. Pengkaji akan hanya menggunakan laman web yang berilmiah serta sumbernya boleh dipercayai seperti *Jstor*, *Jebat Jurnal*, *Researchgate*, serta laman web rasmi dalam menyiapkan tugas ini.

## 1.6 SOROTAN KAJIAN

Menurut Kevin O'Gorman dan Robert MacIntosh (2014), Sorotan kajian ataupun lebih dikenali sebagai sorotan literatur merupakan rujukan yang objektif serta sistematik yang berkaitan dengan kajian yang terdapat di dalam penulisan-penulisan para sarjana yang lainnya dalam menghasilkan sebuah penulisan yang lebih mantap dengan membuat penambahbaikan terhadap kekurangan yang terdapat di dalam penulisan.<sup>4</sup> Bagi tema latarbelakang Najib Razak, pengkaji telah menggunakan karya Maruwiah Ahmat (2010)<sup>5</sup>, yang banyak mendedahkan mengenai latarbelakang diri Najib Razak dan juga latarbelakang keluarga beliau sehingga kepada sejarah permulaan Najib Razak berkecimpung di dalam dunia politik di Malaysia pada tahun 1976.

Selain itu juga, pengkaji turut menggunakan bahan penyelidikan daripada Khairil Annas Bin Jusoh (2011)<sup>6</sup> terutamanya di dalam mengenalpasti sejarah latarbelakang Najib Razak. Berdasarkan tesis penyelidikan doktor falsafah yang dihasilkan oleh Khairil Annas Bin Jusoh pada tahun 2011, beliau telah menyentuh dan mengupas mengenai latarbelakang keluarga, pendidikan, serta permulaan politik beliau pada tahun 1976. Selain itu, penulis juga telah menerangkan perjalanan Najib Razak sebagai PM Malaysia ke-6 pada tahun 2009. Oleh itu, tesis doktor falsafah ini sesuai dijadikan rujukan untuk

<sup>4</sup> Kevin O'Gorman dan Robert MacIntosh, *The Global Management Series : Research Methods for Business and Management : Second Edition*, United Kingdom : Goodfellow Publishers Limited, 2014, Hlm 31.

<sup>5</sup> Maruwiah Ahmat, *Kenali Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak*, Selangor : Eagle Publication SDN. BHD, 2010, Hlm 10.

<sup>6</sup> Khairil Annas Bin Jusoh, *Gaya dan Pendekatan Kepimpinan Mohd. Najib Abdul Razak : Satu Perspektif Teori Kepimpinan*, (Tesis Doktor Falsafah, Asia e University), 2011. Hlm 34.

pengkaji terutamanya di dalam membahas mengenai latarbelakang Najib Razak daripada tahun 1976 sehingga tahun 2009.

Pengkaji juga telah menggunakan sumber primer yang dipetik daripada utusan Malaysia (2011)<sup>7</sup>, pengkaji telah menggunakan keratan akhbar *online* ini di dalam penulisan bab 1 bagi menjawab serta mediskusikan mengenai Tun Razak yang merupakan bapa kepada Najib Razak. Di dalam Akhbar ini, terselit juga pelbagai maklumat yang menyentuh mengenai falsafah, sumbangan serta sedikit sebanyak mengenai biografi Tun Razak. Oleh yang demikian, pengkaji akan menggunakan akhbar daripada Utusan Malaysia ini untuk dijadikan sumber serta rujukan pengkaji dalam menerangkan mengenai Tun Razak yang merupakan bapa kepada Najib Razak.

Seterusnya, pengkaji turut menggunakan karya yang ditulis oleh Mohd Yusof Hassan dan Shamsudin Puteh yang bertajuk "Najib Tun Razak : 100 Days The Challenges". Buku ini mengupas serta banyak mendedahkan mengenai perjalanan serta cabaran yang dihadapi Najib Razak selama 100 hari selepas bergelar PM baik dari perspektif politik, ekonomi dan juga sosial. Oleh hal yang demikian, karya Mohd Yusof Hassan dan juga Shamsudin dianggap relevan serta akan digunakan pengkaji untuk menjawab persoalan-persoalan mengenai sedikit sebanyak mengenai latarbelakang serta sumbangan-sumbangan Najib Razak di dalam kajian.<sup>8</sup>

Pengkaji juga merujuk karya yang ditulis oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Kementeriaan Pelancongan dan Kebudayaan yang bertajuk "Bibliografi Sukan SEA : Edisi khas sempena Malaysia selaku Tuan Rumah 2017". Di dalam karya ini, penulis telah mendedahkan mengenai sejarah latarbelakang sukan SEA dan juga perkembangan

---

<sup>7</sup> Utusan Malaysia, *Dokumen Perjuangan Menuntut Kemerdekaan*, 2007.

<sup>8</sup> Mohd Yusof Hassan dan Shamsudin Puteh, *Najib Tun Razak : 100 days the challenges*, Kuala Lumpur : Jabatan Penerangan, 2009, Hlm 41.